

MITIGATION SCRIPT

Dengan izin Tuan/Puan Majistret, saya (name), Pelatih Dalam Kamar (PDK) dari Pusat Bantuan Guaman, mewakili Orang Kena Tuduh(OKT).

Dengan izin Tuan/Puan, saya ingin mohon untuk penangguhan sebentar kerana saya belum sempat menemubual OKT.

Tuan/Puan, sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas OKT, saya berharap dan memohon agar Mahkamah yang Mulia ini mempertimbangkan faktor-faktor mitigasi yang akan saya kemukakan di sini.

Tuan/Puan Majistret, OKT berumur _____ belum berkahwin / sudah berumahtangga dan mempunyai _____ isteri dan _____ orang anak.

(1) MENGAKU BERSALAH

Tuan/Puan Majistret, OKT telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang telah dibacakan. Ini merupakan satu faktor mitigasi yang penting kerana OKT telah menjimatkan masa dan kos Mahkamah dan telah meringankan tugas Mahkamah yang Mulia ini.

Bagi menyokong pernyataan di atas, saya dengan rendah hati merujuk kepada kes *Zaidon Shariff lwn PP (1996) 4 CLJ 441*, di mana pengakuan salah adalah satu faktor yang harus di ambil kira oleh Mahkamah.

Tuan/Puan Majistret, kes *PP lwn Sharithan Pachemuthu (2000) 5 CLJ 15* menyatakan bahawa pengakuan salah OKT perlu diambil kira dan kebiasaanya hukuman akan dikurangkan sebanyak 1/3 hingga 1/4 daripada hukuman yang akan dijatuhkan.

Mahkamah dalam *Sau Soo Kim lwn PP (1975) 2 MLJ 134* berpendapat bahawa pengakuan salah merupakan satu faktor mitigasi yang perlu diambil kira oleh Mahkamah

tanpa mengira sama ada **OKT** adalah penjenayah keras atau tidak kerana ia menjimatkan masa Mahkamah.

(2) **PENANGGUNG TUNGGAL**

Tuan/Puan Majistret, untuk makluman Mahkamah yang Mulia ini, **OKT** telah berkahwin dan mempunyai seorang / _____ orang isteri serta seorang / _____ orang anak yang berumur di antara _____ tahun hingga _____ tahun

OKT datang daripada keluarga yang sederhana / amat susah. Ibu bapa/saudara mara **OKT** tinggal bersama-sama **OKT** dan beliau bertanggungjawab ke atas mereka. Anak-anak / kebanyakan anak-anak **OKT** masih bersekolah dan isteri/ibu/bapa **OKT** tidak bekerja. Dengan itu, **OKT** merupakan penanggung tunggal (“sole bread-winner”) keluarga beliau dan kepada kedua-dua ibu bapa beliau.

Saya difahamkan bahawa ibu/bapa/isteri/anak/nenek **OKT** sedang menghidap penyakit _____ sejak _____ dan **OKT** terpaksa menjaganya. Tuan/Puan Majistret, setiap bulan kos perubatan bagi _____ **OKT** berjumlah sebanyak RM _____ Jumlah / kos perubatan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh **OKT**. Semenjak **OKT** ditahan reman, tiada sesiapa lagi yang dapat membawa _____ **OKT** ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

OKT telah kehilangan kedua-dua ibu bapanya semenjak kecil dan terpaksa bertanggung kepada pendapatannya untuk menyara adik-beradiknya yang masih bersekolah.

Tuan/Puan Majistret, keadaan **OKT** sebagai penanggung tunggal keluarganya merupakan satu faktor mitigasi yang amat penting dalam pertimbangan hukuman setimpal kepada **OKT**. Ini dapat dilihat dalam kes *PP lwn Puteh Nordin (1983) 2 MLJ 292* di mana Mahkamah telah meringankan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas **OKT** memandangkan **OKT** seorang penyara/penanggung tunggal keluarganya.

(3) **BUKAN PENANGGUNG TUNGGAL**

Tuan/Puan Majistret, **OKT** bukanlah penanggung tunggal dalam keluarganya. Namun demikian sebagai seorang yang telah berkahwin dan mempunyai isteri dan anak-anak, beliau masih diperlukan untuk memenuhi keperluan keluarganya. Isteri beliau seorang tidak mampu untuk mencari wang yang cukup untuk menyara keluarga mereka.

OKT masih mampu menyumbang kepada ibu/bapa beliau setiap bulan untuk perbelanjaan harian mereka dan menyumbang kepada perbelanjaan dan keperluan keluarga beliau. Perbuatan **OKT** ini menunjukkan **OKT** sebenarnya seorang yang bertanggungjawab dan merupakan harapan keluarga beliau.

(4) **KESIHATAN OKT**

Tuan/Puan Majistret, saya di fahamkan bahawa kesihatan **OKT** kurang baik. **OKT** sedang menghidap penyakit _____ dan sedang dalam rawatan. Dengan itu, **OKT** perlu meneruskan rawatannya dan beliau sukar untuk mendapatkan rawatan jika dipenjarakan.

(5) **FAKTOR KERJA**

Tuan/Puan Majistret, sebelum ditangkap, **OKT** bekerja sebagai _____. Oleh itu, sekiranya **OKT** dikenakan hukuman penjara yang lama, **OKT** mungkin akan kehilangan kerjanya. Jika **OKT** kehilangan kerja, **OKT** tidak akan dapat menanggung keluarganya lagi.

Saya dengan rendah diri merujuk Mahkamah kepada kes *Gan Kim Gua lwn PP (1983) 1 CLJ 199*, di mana telah dinyatakan bahawa mahkamah harus mengambil faktor kehilangan kerja dan keaiban yang dihadapi oleh **OKT** semasa dijatuhi hukuman.

Tuan/Puan Majistret, sekiranya **OKT** dikenakan hukuman berat dan terpaksa menjalani hukuman penjara yang lama, ini akan memberi satu tumparan yang hebat kepada **OKT**.

Sejurus selepas OKT selesai menjalani hukuman penjara OKT akan sukar untuk mendapatkan kerja kerana mempunyai rekod jenayah dan merupakan seorang bekas banduan.

(6) **BERKERJASAMA DENGAN POLIS-MEMBANTU SIASATAN**

Tuan/Puan Majistret, saya dengan rendah diri merujuk kepada kes *PP lwn Harithan Pachemuthu (2000) 5 CLJ 15*, dimana Mahkamah berpendapat bahawa bagi OKT yang membantu polis dalam siasatan mereka, terutamanya jika OKT adalah seorang yang masih muda, satu pengurangan hukuman patut diberikan.

(7) **OKT MUDA**

Tuan/Puan, OKT baru berumur _____ tahun. Sekiranya OKT dikenakan hukuman yang berat dan terpaksa menjalani hidup di penjara lebih lama, ini akan menambahkan kesukaran baginya untuk mendapatkan pekerjaan di masa akan datang dan OKT tidak akan dapat membantu menyara keluarganya.

Saya dengan rendah diri merujuk Mahkamah kepada kes *PP lwn Nazarudin Bin Ahmad & 2 Lagi (1993) 2 CLJ 543*. Mahkamah dalam kes ini berpendapat bahawa bagi OKT yang masih muda dan yang melakukan kesalahan pertama, saya baca dari kes tersebut di perenggan [3] di bahagian *held* “.....*the Court should consider how the length of time spent in prison would affect their own lives and society after they have complete serving the sentence. Sometimes public interest may itself demand that a shorter term of imprisonment is desirable as a long imprisonment term may create more problems to the society as the prisoner would have more difficulties in readjusting himself to family and community life on completion of his prison term.* “

Saya dengan rendah diri memohon agar Mahkamah menjatuhkan hukuman sebagai tujuan PEMULIHAN dan bukan untuk mencegah atau menghukum. Dalam kes *Tukiran Bin Taib(1995) MLJ 24*, mahkamah telah mengambil langkah pemulihan untuk menyedarkan pesalah tentang kesilapannya. Mahkamah berpendapat bahawa bagi OKT muda dalam

lingkungan 17-21 tahun, ia lebih berfaedah kepada OKT dan orang ramai jika OKT di hantar ke Sekolah Henry Gurney.

(8) **LATAR BELAKANG KELUARGA/ PENGARUH LUAR**

Tuan/Puan Majistret, OKT berasal dari keluarga yang berpecah-belah / tidak mempunyai ibu/bapa dan kini menyebabkan beliau kurang bimbingan dan kasih sayang.

Tuan/puan Majistret, OKT hanya berpelajaran sehingga _____. Oleh itu, beliau mudah terpengaruh dengan gejala negatif.

Tuan/Puan Majistret, OKT telah terlibat dengan kesalahan tersebut kerana pengaruh kawan-kawan. Tuan/Puan, saya telah difahamkan bahawa OKT tinggal di kawasan yang dikenali sebagai gejala sosial yang kurang sihat / OKT mempunyai ramai kawan yang terlibat dalam gejala yang kurang sihat dan mudah terpengaruh dengan desakan kawan-kawannya.

(9) **PERASAAN INSAF/ MENYESAL**

Dengan izin Tuan/Puan, untuk makluman Mahkamah yang Mulia ini, OKT berumur _____ tahun.

Beliau merupakan pesalah muda/ ini merupakan kesalahan pertama OKT.

Saya dengan rendah diri merujuk kepada kes *Raja Izzudin Shah [1979] 1 MLJ 270*, di mana Mahkamah mengambil kira faktor bahawa pesalah dalam kes tersebut telah menyesali perbuatannya dan telah berjanji untuk tidak mengulangi kesalahan tersebut. Saya difahamkan bahawa OKT telah benar-benar menyesali perbuatannya / kesilapannya dan berharap agar Mahkamah dapat memaafkan kesalahannya dan memberi peluang kepadanya untuk pulang ke pangkuhan jalan yang benar / memperbaiki dirinya.

(10) **KESALAHAN LAMPAU**

Kesalahan lampau yang berbeza

Tuan/Puan Majistret, kesalahan lampau beliau tidak sama dengan kesalahan sekarang. Kes *Zaidon Shariff-lwn-PP [1996] 4 CLJ 441* dalam Perenggan [6] bahagian *held* menyatakan bahawa “*A previous conviction is to be taken into consideration only if it is of a similar nature with the current charge*”

Kesalahan lampau yang berbeza

Tuan/Puan, kesalahan **OKT** berlakutahun yang lalu. Jangka masa yang begitu lama menunjukkan bahawa **OKT** telah berusaha untuk memperbaiki akhlaknya dan menjauhkan diri daripada kegiatan jenayah. Usaha **OKT** yang sedemikian perlulah diambil perhatian oleh Mahkamah yang mulia ini, seperti yang dinyatakan dalam kes *Zaidon Shariff-lwn-PP [1996] 4 CLJ 441*, dalam perenggan [6] bahagian *held* “*...the accused's cleaned record since his last conviction in 1986 is a mitigating factor. The rationale of the gap principle is that the offender has made an effort to rehabilitate himself.*”

Saya dengan rendah diri merujuk keapada kes *Re Johari bin Ismail [1956] MLJ 56*, di Mahkamah telah membebaskan **OKT** dengan ikat jaminan perangai baik walaupun **OKT** berumur 22 tahun dan mempunyai 6 kesalahan lampau kerana Mahkamah berpendapat bahawa “*... There are often circumstances in which short term of imprisonment have to be imposed, but it should be borne in mind that a series of short terms of imprisonment had very little effect in reforming wrong-doers and often has a tendency to convert them into habitual criminals.*”

(11) **TEMPOH TAHANAN REMAN**

Tuan/Puan Majistret, saya difahamkan bahawa **OKT** telah berada di penjara selama.....hari/bulan dari tarikh ditangkap. Saya dengan rendah diri merujuk kepada Mahkamah kepada kes *Muharam bin Anson-lwn-PP [1981] 1 MLJ 222*, di mana faktor ini akan di ambil kira sebagai satu mitigasi sebelum hukuman

dijatuhkan. Mahkamah menyatakan bahawa “.....in our view, this period of detention, brief though it may appear, ought to have taken into account by the learned trial judge for the purpose of passing sentence.”

(12) **PERGADUHAN / KESALAHAN MEMUKUL**

Tuan/Puan Majistret, saya difahamkan bahawa ketika kejadian berlaku, OKT adalah dalam keadaan mabuk. Saya dengan rendah diri merujuk Mahkamah kepada kes *Raja Izzudin Shah [1979] 1 MLJ 270* di mana tertuduh mengaku bahawa beliau mabuk ketika mencederakan pengadu dan beliau memohon maaf atas kesilapannya. Kejadian tersebut adalah tidak disengajakan oleh OKT. Mahkamah dalam kes tersebut telah mengambil kira keadaan mabuk OKT semasa melakukan kesilapan.

Kecederaan yang dialami oleh pengadu dalam kejadian tersebut hanya _____ dan boleh dikatakan satu kecederaan ringan. OKT memohon maaf atas kesilapannya dan menjelaskan bahawa kejadian tersebut adalah tidak disengajakan oleh OKT.

(13) **DADAH**

Tuan/Puan, amaun dadah yang dijumpai pada OKT merupakan satu amaun yang kecil. Dadah tersebut adalah untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk diedarkan ataupun untuk dijual. Saya dengan rendah diri merujuk kepada Mahkamah kepada kes *Mohamad bin Abdul Rahman-lwn-PP [1979] 1 MLJ 252*, dimana Mahkamah telah mengambil kira amaun dadah yang sedikit dijadikan satu faktor mitigasi dan rayuan, dan menyatakan dalam perenggan [3] bahagian *held* bahawa “... as the facts indicated that the appellant was an addict and not a pusher.”, hukuman penjara diketepikan dan OKT dikenakan denda.

Tuan/Puan Majistret, kes *PP-lwn-Puteh Nordin & Anor [1983] 2 MLJ 292*, telah mengambil kira sebagai satu faktor mitigasi bahawa dadah yang dijumpai pada tertuduh adalah dadah yang kurang bahaya berbanding jenis dadah lain yang memudaratkan.

(14) **KECURIAN**

Tuan/Puan Majistret, barang yang dicuri oleh OKT bernilai rendah iaitu hanya berharga RM _____. Lagipun, OKT tidak melibatkan apa-apa keganasan yang boleh mendatangkan kecederaan.

Lebih-lebih lagi, barang yang dicuri telah diserahkan kepada pihak polis/dikembalikan kepada tuanpunya dan OKT tidak mendapat apa-apa keuntungan/manfaat dari tindakannya. Tuan/Puan izinkan saya merujuk kepada kes *Gabriel-lwn-PP [1992] 1 MLJ 593*, dimana faktor bahawa barang curi telah dikembalikan kepada tuanpunya telah diambil kira oleh Mahkamah sebagai satu faktor mitigasi.

Tuan/Puan, OKT telah mencuri _____ (susu tepung / makanan) kerana beliau tidak mempunyai wang untuk menyusu/memberi makan kepada anak-anak dan ahli keluarganya yang lain. Beliau telah didorong oleh kesempitan hidup dan terpaksa mencuri kerana keadaan hidup beliau adalah terdesak.

(15) **KESALAHAN PERTAMA S.294 KANUN PROSEDUR JENAYAH/ S.173^a**

Tuan/Puan, saya difahamkan bahawa ini adalah kesalahan pertama OKT dan OKT tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah sebelum ini.

Kes *Winston Rajah-lwn-PP [1999] 1 CLJ 315* menyatakan bahawa hukuman penjara adalah tidak sesuai bagi kesalahan pertama, dan dalam perenggan [2] bahagian *held* menyatakan “*The existence of a minimum sentence does not deprive the court from exercising its discretion under S.294 of the Criminal Procedure Code.*”

Dengan izin Tuan/Puan, saya turut merujuk kepada kes *Abdul Karim-lwn-Regina [1954] 20 MLJ 86*. Mahkamah dalam kes ini berpendapat bahawa hukuman penjara adalah tidak sesuai untuk mereka yang melakukan kesalahan pertama.

OKT selama ini merupakan seorang yang patuh kepada undang-undang dan tidak pernah disabit sebarang pertuduhan atau hukuman Mahkamah.

Dengan rendah diri, saya memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini untuk membolehkan **OKT** diikat jamin kelakuan baik atau “BINDING OVER” di bawah Seksyen 294 Kanun Prosedur Jenayah.

(16) **HUKUMAN DENDA SAHAJA**

Kes *Garbriel –lwn- PP 1 MLJ 593* menyatakan di perenggan [5] bahagian *held* bahawa “*A fine is normally imposed to ensure that the offender does not profit from the offence. In this case all the stolen items were recovered and the accused had not derived any monetary gain from the offence. The fine was therefore set aside.*”

Dengan izin Tuan/ Puan, saya merujuk kepada kes *PP –lwn- Yeong Yin Choy [1976] 2 MLJ 267*, di mana Abdooleader J. memberi penghakiman bahawa satu ikat jamin kelakuan baik, di bawah S. 294 adalah tidak terhad kepada kesalahan atau pertuduhan yang melibatkan hukuman penjara sahaja, malah ia boleh digunakan untuk kesalahan atau pertuduhan yang boleh dikenakan hukuman denda.

Dengan ini, saya berharap agar hukuman denda tidak dilaksanakan terhadap OKT.

(17) **HUKUMAN PENJARA**

Tuan/ Puan Majistret, saya merujuk kepada kes *Shanmuganathan – lwn- PP [1967] 1 MLJ 204*. Di dalam kes ini, mahkamah telah menggantikan hukuman penjara yang telah disabitkan dengan kebebasan pesalah pertama secara ikat jamin kelakuan baik di bawah Seksyen 173A Kanun Prosedur Jenayah.

Dengan ini, saya berharap agar hukuman penjara tidak dilaksanakan terhadap OKT.

NOTE:

S. 173A CPC	S. 294 CPC
1. Available to ALL offenders, including children, government servant.	Only available for adult offenders.
2. Invoked irrespective of nature of prescribed punishment – need not be imprisonment.	Only applies for convicted persons where conviction is for offence punishable with imprisonment without option of a fine. (c/f Abdooleader J. in Yeong Yin Choy – not restricted to imprisonment punishment)
3. Less serious offence/ which calls for unusual leniency.	Offences generally of serious nature, but desirable to place on probation.
4. No conviction recorded in criminal registry.	Conviction will be recorded in criminal registry.
5. Period of good behaviour bond – cannot exceed 3 years.	No limit to period of bond.

(18) **OKT ORANG ASING**

Tuan/ Puan Majistret, **OKT** benar-benar menyesali perbuatannya dan merayu kepada Mahkamah yang Mulia ini bahawa beliau ingin pulang ke Negara aslinya untuk berada bersama keluarganya. Saya difahamkan bahawa beliau mampu/ tidak mampu membayar denda jika beliau didenda.

Dengan ini, saya dengan rendah diri memohon agar Mahkamah yang Mulia ini menghantar **OKT** pulang ke Negara asalnya kerana ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan Malaysia.

KESIMPULAN

Dengan ini, saya berharap Mahkamah akan mengambil kira faktor-faktor mitigasi yang telah dihujahkan di sini dan saya memohon Mahkamah yang Mulia ini untuk menjatuhkan hukuman yang seringan-ringannya ke atas OKT.

Sekiranya OKT dijatuhi hukuman penjara, saya memohon agar hukuman bermula dari tarikh OKT ditahan. Dan/ atau berjalan serentak.

Sekiranya OKT dijatuhi hukuman denda, saya memohon agar hukuman yang seringan-ringannya diberikan kerana beliau tidak mampu membayar denda tersebut.

Oleh yang demikian, dengan izin Tuan/ Puan, saya dengan rendah diri memohon OKT dibebaskan atas ikat jamin kelakuan baik di bawah Seksyen 173A/ 294 (*only for offence punishable with imprisonment*) Kanun Prosedur Jenayah.

Untuk makluman Tuan/ Puan, pada hari ini ahli keluarga (e.g. emak, ayah, kakak, abang, pak cik, mak cik) OKT telah hadir untuk memberi sokongan dan bersetuju untuk OKT akan berkelakuan baik pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih. Itu saja, Tuan/ Puan.

NOTE:-

1. Change Plea – if OKT change plea from guilty to not guilty/ claims trial, request for transfer of Magistrate's Court. This Court heard the facts and earlier plea, Court may be bias.
2. Bail – apply to Court to reduce bail. If Magistrate reduced but insufficient/ still high, ask or apply for revision in the High Court.